44

# 2 belia akan tunjukkan silat gayung di Jepun

13 JUN 1973

SINGAPURA, Selasa.

LEBIH empat juta rakyat Jepun akan berpeluang menyaksikan permainan seni silat gayung melalui talivisyen, bila dua orang ahli seni pertahanan diri tempatan mengadakan pertunjukannya hujung minggu ini.

Rahim bin Hussain, 21 tahun, dan Misratin binti Tukiman, 19 tahun, akan berlepas ke Tokyo esok untuk menunjukkan kebolehan mereka melalui TV Tokyo Channel 12 yang berwarna-warni.

Rahim adalah pemegang talipinggang hitam klas satu sementara Misratin pula pemegang talipinggang merah klas dua.

Pemergian mereka ditaja oleh sebuah syarikat hiburan tempatan dan dijangka akan berada di Jepun kurang-lebih seminggu.

## Perlawanan

Kedua belia itu akan menunjukkan permainan lawan dengan parang dan rantai serta pisau, kata seorang jurucakap syarikat itu petang ini.

Bila mereka beraksi di talivisyen pada 15 Jun kelak, maka lebih empat juta orang penonton di sana akan dapat menyaksikan seni silat Melayu itu buat pertama kalinya.

Rahim yang menceburkan dirinya sebagai seorang ahli silat gayung dalam tahun 1965 dianggap sebagai satu-satunya anggota Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (PASAK) yang memegang talipinggang hitam klas satu.

Misratin yang mula bergiat dalam permainan itu pada tahun 1969 hanya setingkat di bawah talipinggang hitam.

Mereka dijangka akan pulang ke tanahair pada 19 Jun.

# Balairakyat2 diseru galak seni tahan diri

SINGAPURA, Ahad. – Jawatankuasa Penasihat Stem sedang menimbang untuk mengeluarkan satu set stem peringatan menunjukkan berbagai seni pertahan diri yang terdapat di Repablik ini sebagai usaha untuk memperkenalkan seni itu di luar negeri.

Ini telah dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen (Perhubungan), Encik Lim Guan Hoo, bila beliau merasmikan Demonstrasi Mempertahan Diri di Panggung Rakyat Kreta Ayer malam tadi.

Encik Lim juga telah menganjurkan balairakyat-balairakyat supaya mengadakan lebih banyak kegiatan seni pertahan diri kerana ia dapat membantu perbaiki keadaan jasmani rakyat.

Dua orang anggota PASAK ini, Mohd. Noor Hashim dan Fauzi Abdullah turut menunjukkan satu cabang silat dalam Demonstrasi Pertahan Diri